

## **Pemimpin UMNO akur nasihat PM**

### **Utusan Online**

**12 April, 2013**

MELAKA 11 April - Beberapa pemimpin UMNO di negeri ini akur dengan nasihat Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menerima dengan hati terbuka sekiranya tidak dipilih pucuk pimpinan parti sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu, **Datuk Idris Haron** berkata, semua peringkat dalam struktur dan sistem parti perlu akur serta bersepakat untuk memenangkan parti tanpa merasa kecewa jika tidak dipilih sebagai calon.

Menurutnya, soal kepentingan peribadi harus diketepikan, sebaliknya keutamaan perjuangan parti wajar menjadi agenda utama untuk memastikan BN kekal memerintah di negeri ini.

"Jangan kecewa jika tidak menjadi calon kerana yang penting ialah tanggungjawab terhadap gerak kerja parti bagi memastikan mana-mana calon yang dipilih pucuk pimpinan menang dalam pilihan raya ini," katanya.

Beliau mengulas pertemuan tertutup Pengerusi BN bersama pemimpin-pemimpin BN di peringkat bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Bagi Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka, **Datuk Latiff Tamby Chik** berkata, amanat itu amat bermakna kerana membuktikan Pengerusi BN telus dan mahu seluruh ahli UMNO di semua peringkat bersatu padu dan tidak mementingkan soal peribadi dalam memastikan BN menang pada pilihan raya kali ini.

Menurutnya, amanat yang diberikan itu telah membangkitkan semangat dalam kalangan ahli UMNO dengan objektif penting iaitu memperkuatkan parti.

"UMNO di Bahagian Kota Melaka tetap setia dan memberikan sokongan tidak berbelah-bahagi terhadap sesiapa sahaja yang dipilih sebagai calon.

"Kepentingan parti adalah lebih penting kerana pilihan raya kali ini sangat getir dan semua ahli perlu akur untuk berjuang tidak kira siapa yang dipilih pucuk pimpinan parti untuk bertanding atas tiket BN," katanya.

Naib Ketua UMNO Bahagian Masjid Tanah, **Datuk Abdul Talib Bachek** berkata, amanat Najib itu wajar diterjemahkan oleh semua pihak agar tidak terlalu mementingkan soal peribadi, sebaliknya memberikan keutamaan kepada perjuangan parti.

Menurutnya, bagi penyandang atau nama-nama mereka disebut-sebut sebagai calon tetapi tidak terpilih oleh pucuk pimpinan parti perlu reda untuk menerima dengan hati terbuka.

"Najib lebih arif terhadap calon-calon yang akan diumumkan nanti kerana beliau melihat daripada semua aspek bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak dipilih bertanding," ujarnya.

Beliau menambah, semua pihak perlu meletakkan keutamaan kepada perjuangan, selain jujur dan ikhlas dengan tidak mensabotaj parti.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130412/px\\_31/Pemimpin-UMNO-akur-nasihat-PM#ixzz2aoJpYjFV](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_31/Pemimpin-UMNO-akur-nasihat-PM#ixzz2aoJpYjFV)